

Ekonomi bumiputera diperkukuh

Oleh YULPISMAN ASLI
DAN KAMIL MASLIH
utusanbiz@twitter.com

■ KUALA LUMPUR 8 DIS.


UNIT Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) berjaya menyediakan peluang perniagaan, pembiayaan, pembangunan modal insan, pelaburan swasta dan penciptaan nilai melebihi RM60 bilion sehingga September lalu.

Inisiatif itu terlaksana melalui penglibatan pelbagai kementerian, sektor swasta, agensi-agensi kerajaan dan Koridor Ekonomi.

Selain itu, Teraju juga mengadakan kerjasama dan menentukan Agenda Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera dilaksanakan oleh syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC) dan syarikat milik kerajaan (GLC) melalui Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) yang menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG).

Daripada nilai keseluruhan tersebut, sejumlah RM6 bilion adalah daripada inisiatif pembiayaan perniagaan yang terlaksana melalui 12 program antaranya Dana Teras yang merupakan program kerjasama dengan empat institusi perbankan iaitu SME Bank, Maybank Islamic, RHB Islamic Bank dan MIDF yang menghasilkan capaian dana berjumlah RM2.7 bilion dengan sejumlah RM1.1 bilion telah diluluskan untuk 351 permohonan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh (**gambar**), sebagai tulang belakang kepada Agenda Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera, Teraju memainkan peranan memudahkan cara,



memacu dan menyelaras penyer-taan bumiputera di dalam ekonomi negara dengan pendekatan Program Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera.

"Laporan pencapaian ini mem-pamerkan kerajaan melalui Teraju daripada pelbagai aspek termasuk penyediaan peluang perniagaan, pembiayaan, pembangunan modal insan, pelaburan swasta dan penciptaan nilai melebihi RM60 bilion," katanya pada majlis taklimat Laporan

Pencapaian Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera 2015 di sini hari ini.

Husni berkata, dalam usaha menyelaraskan aktiviti secara menyeluruh, Teraju telah memeterai kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk 24 Unit Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) di kesemua kementerian.

Jelas beliau, sokongan pelbagai pihak ini telah membolehkan penguatkuasaan 99 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bumiputera terlak-

sana, sekali gus memperkukuhkan teras keusahawanan dan perniagaan bumiputera.

"Semangat kerjasama di antara sektor awam, swasta dan bukan kerajaan dalam memperkasa agenda bumiputera pada tahun ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dan semua pihak ini dalam memperkukuhkan serta memastikan golongan bumiputera terus relevan dan berdaya maju," jelasnya. Di antara pencapaian inisiatif

dan dilaksanakan sehingga kini ialah nilai pelaburan swasta bumiputera termasuk nilai pelaburan dari Dana Mudah Cara sebanyak RM10.2 bilion dan nilai pasaran yang dijana dari Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) selepas penyena- naraan berjumlah RM3.6 bilion sehingga Ogos lalu. Sebanyak 11 buah syarikat telah disenaraikan di Bursa Saham sejak 2007 dan dua syarikat disenaraikan dalam senarai kelab bilionair.

Semangat kerjasama di antara sektor awam, swasta dan bukan kerajaan dalam memperkasa agenda bumiputera pada tahun ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan dan semua pihak."

HUSNI SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Teraju

Pencapaian lain termasuk penciptaan peluang perniagaan termasuk nilai sebanyak RM36.06 bilion bagi projek 'Carve Out and Compete', Program Pembangunan Vendor oleh Khazanah Nasional Berhad dan GLC (RM6.6 bilion) dan RM164.4 juta bagi nilai pelu- pusan aset GLIC dan GLC.

Selain itu, Pembiayaan Perni- gaan melalui Dana Teras di SME Bank, RHB Ismaic, Maybank dan MIDF sebanyak RM2.7 bilion. Se- banyak RM400 juta juga telah diperuntukkan di bawah Dana Pembangunan Halal yang diu- ruskan oleh Agrobank, manakala Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera pula yang diuruskan oleh MTDC bernilai RM475 juta.

LAGI BERITA DI MUKA 21

Strategi Teraju perkasa ekonomi bumiputera

Strategi 1

Memperkasa modal insan bumiputera

Sekurang-
kurangnya
60%

Penyertaan bumiputera dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi pada tahun 2020.

Strategi 2

Meningkatkan penguasaan efektif bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat.

Sekurang-
kurangnya
30%

Pemilikan ekuiti sektor korporat dengan penguasaan efektif pada tahun 2020.

Strategi 3

Meningkatkan syer pemilikan kekayaan bumiputera.

Sekurang-
kurangnya
90%

Isi rumah bumiputera memiliki seunit kediaman.

Sekurang-
kurangnya
30%

Isi rumah bumiputera memiliki hartanah komersial dan perindustrian.

Strategi 4

Memperkasa komuniti ekonomi bumiputera.

30
syarikat

Jaguh nasional dilahirkan.

5
syarikat

Jaguh antarabangsa dilahirkan.

Strategi 5

Menguatkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan bumiputera.

Sekurang-
kurangnya
30%

Program khusus untuk bumiputera di peringkat kementerian.

Sumber: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju)

RANCANGAN Malaysia Ke-11 memberi tumpuan kepada Agenda Pembangunan Bumiputera dalam memperkukuh latihan kemahiran dan profesional, meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dan aset bukan kewangan serta memperluas keusahawanan dan perniagaan.

Bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh bumiputera, usaha yang lebih kreatif dan inovatif akan dilaksanakan. Untuk tujuan tersebut, lima strategi utama akan dilaksanakan seperti berikut: